

26/12/1997

Laksana penjimatan sepanjang masa

Shairizal

HARI ini konsep penjajahan ekonomi dilihat begitu berleluasa selepas wujudnya penjajahan budaya yang dikembangkan oleh blok barat. Jika dulu kita khususnya nusantara Melayu dijajah oleh kuasa besar seperti Belanda dan British secara nyata, tetapi dengan timbulnya krisis kewangan kini, kita dijajah pula melalui sistem ekonomi.

Pinjaman Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kepada Indonesia menyebabkan beberapa belas bank yang terkenal ditutup melalui pelan perancangan bersama IMF. Beban ini semakin dirasai melalui ketetapan bayar balik kepada IMF yang mengenakan satu konsep agak ketat dan bukan dikatakan 'menolong'.

Namun apa yang ingin saya katakan di sini adalah mengenai perancangan kita sendiri dalam mengharungi kekangan yang dihadapi. Saban hari kita dinasihati berjimat supaya dapat membantu krisis yang dihadapi.

Sememangnya itu wajar dilakukan dan kita bukan sahaja menggerakkan kempen ini ketika menghadapi krisis ketika ini, tetapi beberapa tindakan juga sudah lama dibuat seperti 'Kempen Inflasi Sifar'. 'Kempen Kongsi Kereta' (jimat minyak, jimat kereta) dan pelbagai lagi. Sekiranya tindakannya ada tetapi tiada pelaksanaan maka apalah gunanya.

Kegawatan ini akan berterusan sekiranya tindakan yang tidak efektif terlaksana. Proklamasi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyeru rakyat berjimat wajarlah ditenguh dan dilaksanakan. Tetapi masyarakat kita lebih kepada konsep 'sekali terhantuk baru terngadah'.

Sekali krisis kewangan datang barulah berjimat, sedangkan sebelum ini mereka tidak melihat impak dan tidak membezakan yang mana satu kehendak dan yang mana satu keperluan.

Kita mungkin tidak terkejut sekiranya golongan atasan menggunakan peruntukan wang mereka sendiri untuk membeli barangan yang bertepatan dengan status mereka.

Ungkapan saranan berjimat daripada mereka juga haruslah dipandang oleh kita dan mereka sendiri.

Kita memuji tindakan beberapa orang atasan yang menukar kenderaan rasmi mereka daripada Mercedes Benz kepada Proton Perdana termasuklah kenderaan rasmi beberapa syarikat. Ini adalah satu tindakan yang patut dipuji tetapi mengapa tidak dulu lagi kita mengaplikasikannya.

Sememangnya tindakan ini amat wajar tetapi janganlah pula kereta rasmi ialah Perdana tetapi kereta isteri dan anak tetap Mercedes Benz atau kenderaan yang mahal-mahal belaka.

Apa yang diperkatakan di sini adalah peranan kita untuk bersama-sama terus berjimat atas keikhlasan diri dan bukannya atas nama untuk terus berjimat tidak kira status dan sebagainya.

Ingatlah kata-kata Ibnu Khaldun yang memanifestasikan 'kewujudan sesuatu tamadun yang unggul dalam bidang ekonomi bermula dengan masyarakat yang berjimat cermat, tolong menolong dan sentiasa berjaga-jaga dalam mencari rezeki sehinggalah mereka naik menjadi suatu kelompok yang unggul dalam bidang ekonomi'. Namun selepas mereka mencapai kepada tahap itu mereka mula menikmati kemewahan dan membelanjakan wang tanpa memandang ke hadapan, mula bersikap materialistik lantas mereka jatuh kembali kepada keadaan asal. Justeru itu sebagai suatu masyarakat yang majmuk dan maju kita haruslah bergerak bersama-sama bagi memantapkan ekonomi negara dan haruslah berjimat-cermat bukan sekadar ketika krisis ekonomi ini saja tetapi buat jangka masa selama-lamanya. Kejayaan bergantung kepada

pelaksanaan komuniti Malaysia.